



UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen No. 3 tahun 1971

**ENAKMEN MENGAWAL LEMBU-KERBAU
1971**

Tarikh Perkenan Diraja	20 April 1971
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	29 April 1971

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

SELANGOR
ENAKMEN No. 3 tahun 1971

BETA PERKENANKAN,

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

20hb April, 1971

Suatu Enakmen untok membuat peruntukan bagi mengawal lembu-kerbau dan perkara² yang berkaitan dengan-nya.

[20hb Februari, 1970.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Enakmen ini boleh-lah di-namakan Enakmen Mengawal Lembu-kerbau, 1971, dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 20 haribulan Februari, 1970. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Di-dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain— Tafsiran.

“Lembu-kerbau” erti-nya lembu, sapi, kerbau, kambing-biri², kambing dan babi walau apa jua umur, jantina atau jenis-nya;

“kandang lembu-kerbau” erti-nya sa-suatu bangunan atau sa-bahagian daripada bangunan yang di-gunakan atau yang di-chadang untok di-gunakan bagi memelihara atau menyimpan lembu-kerbau;

“kawasan pehak-berkuasa tempatan” erti-nya sa-suatu kawasan di-dalam Negeri yang telah di-ishtiharkan sa-bagai Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran atau Majlis Tempatan di-bawah mana² undang² bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu, dan termasuk-lah sa-suatu kawasan yang telah di-ishtiharkan di-bawah sekshen 150 Enakmen Lembaga Bandaran;

*N.M.B.
Bab 137.*

“Pihak-berkuasa Tertentu” erti-nya Pegawai Haiwan Negeri, Pegawai Daerah, Pegawai Penjaga Daerah Polis, Pengerusi Lembaga Bandaran atau Majlis Bandaran, dan termasuk-lah sa-saorang pegawai atau pekerja yang di-lantek dengan bertulis oleh mana² pegawai yang tersebut di-atas sa-bagai Pihak-berkuasa Tertentu bagi maksud Enakmen ini;

“kawasan larangan” erti-nya sa-suatu kawasan yang telah di-ishtiharkan di-bawah sekshen 3.

Mengishti-
harkan
kawasan
larangan.

3. (1) Raja dalam Meshuarat boleh, jika di-fikirkan-nya perlu bagi maksud menghapuskan gangguan awam atau memelihara kesihatan dan keselamatan awam, mengishti-harkan melalui pemberitahuan *Warta* mana² kawasan pehak-berkuasa tempatan atau sa-bahagian daripada-nya sa-bagai kawasan larangan bagi lembu-kerbau atau bagi sa-suatu gulungan, kelas atau jenis lembu-kerbau sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam pemberitahuan itu.

(2) Pemberitahu itu hendak-lah menyatakan tarikh perishti-haran itu akan mula berkuatkuasa dalam kawasan larangan itu, tarikh tersebut tidak boleh lebeh awal daripada satu bulan dari tarikh tersiar-nya pemberitahuan itu.

Memelihara
atau
menyimpan
lembu-
kerbau
di-dalam
kawasan
larangan
di-tegah.

4. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntokan² mana² undang² Negeri atau perundangan kechil mengenai melesen lembu-kerbau atau kandang lembu-kerbau—

- (a) mana² lembu-kerbau yang di-pelihara atau di-simpan atau di-dapati dalam kawasan larangan dengan tiada mempunyai kebenaran bertulis dari Pegawai Haiwan Negeri, boleh di-tangkap atau di-tembak oleh Pihak-berkuasa Tertentu dan di-bawa dengan serta merta ka-suatu tempat sembeleh atau ka-mana² tempat lain yang di-fikirkan sesuai oleh Pihak-berkuasa Tertentu untok di-sembeleh di-situ atau di-selenggarakan dengan apa chara jua yang di-tentukan oleh Pihak-berkuasa Tertentu;
- (b) jika mana² lembu-kerbau itu di-pelihara, di-simpan atau di-dapati dalam kandang lembu-kerbau atau berdekatan dengan-nya, maka Pihak-berkuasa

Tertentu boleh merobohkan kandang lembu-kerbau tersebut, melainkan tuan punya kandang itu sendiri bersetuju dengan bertulis untuk merobohkan-nya sendiri di-dalam tempoh masa yang di-fikirkan patut oleh Pehak-berkuasa Tertentu.

(2) Kuasa² yang di-beri oleh sekshen-kechil (1) hanya boleh di-jalankan oleh Pegawai Daerah bagi daerah yang berkenaan, Pegawai Haiwan Negeri.

(3) Mana² lembu-kerbau yang di-sembeleh di-bawah peruntokan² sekshen-kechil (1) (a) atau mana² harta boleh alah yang di-dapati dari merobohkan kandang lembu-kerbau di-bawah peruntokan² sekshen-kechil (1) (b) hendaklah di-jual atau di-selenggarakan dengan apa chara jua yang di-tentukan oleh Pehak-berkuasa Tertentu.

(4) Terta'alok kepada peruntokan² sekshen-kechil (7), tiada apa² pampasan kena di-bayar bagi mana² lembu-kerbau yang di-tembak, di-sembeleh atau di-selenggarakan, atau bagi sa-suatu kandang lembu-kerbau yang di-robohkan di-bawah peruntokan sekshen ini.

(5) Hasil, jika ada, daripada jualan mana² lembu-kerbau yang di-sembeleh atau penjualan harta boleh alah di-bawah peruntokan sekshen-kechil (3) sa-telah di-tolak perbelanjaan-nya, hendaklah di-simpan oleh Pehak-berkuasa Tertentu yang berkenaan, sa-hingga tuntutan di-buat oleh tuan punya lembu-kerbau atau kandang lembu-kerbau itu.

(6) Jika dalam tempoh dua minggu dari tarikh jualan tiada sa-orang pun membuktikan tuntutan-nya terhadap harta itu maka pemilikan atau hasil berseh daripada jualan itu hendaklah terserah dan menjadi hak Kerajaan Negeri.

(7) Sa-kira-nya ada lebeh dari satu orang yang menuntut terhadap harta itu, maka Pehak-berkuasa Tertentu hendaklah menentukan dengan mengadakan penyiasatan siapakah yang berhak kepada hasil itu.

(8) Sa-siapa yang tiada puashati dengan keputusan yang di-buat oleh Pehak-berkuasa Tertentu itu boleh membuat apil kepada Raja dalam Meshuarat dalam tempoh sa-puluh hari dari tarikh tersiar-nya keputusan itu dan keputusan Raja dalam Meshuarat itu ada-lah mu'tamad.

5. (1) Sa-saorang yang menjaga mana² lembu-kerbau yang di-dapati berada dalam kawasan larangan ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila thabit kesalahan itu boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada satu ribu ringgit atau di-penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada dua belas bulan. Kesalahan.

(2) Sa-saorang yang memelihara, menyimpan atau membenarkan supaya di-pelihara atau di-simpan mana² lembu-kerbau atau mana² gulongan, kelas atau jenis lembu-kerbau sa-bagai yang di-nyatakan dalam *Warta* di-dalam kawasan larangan tanpa suatu kebenaran bertulis dari Pegawai Haiwan Negeri, ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila thabit kesalahan itu boleh dikenakan denda yang tidak lebeh daripada satu ribu ringgit atau di-penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada dua belas bulan atau kedua² hukoman denda dan penjara.

(3) Sa-saorang yang memindah atau mengangkut mana² lembu-kerbau atau membenarkan supaya di-pindah atau di-angkut mana² lembu-kerbau atau mana² gulongan, kelas atau jenis lembu-kerbau yang di-nyatakan dalam *Warta* daripada, ka-dalam atau di-dalam sa-suatu kawasan larangan, tanpa kebenaran bertulis dari Pehak-berkuasa Tertentu, ada-lah melakukan suatu kesalahan, melainkan jika lembu-kerbau itu dalam transit, dan apabila thabit kesalahan itu boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada lima ratus ringgit atau di-penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua² hukoman denda dan penjara.

Anggapan.

6. (1) Bagi maksud sekshen 5, sa-saorang yang di-dapati berhampiran dengan mana² lembu-kerbau hendak-lah di-anggap, sa-hingga akas-nya di-buktikan, sa-bagai orang yang menjaga lembu-kerbau yang tersebut, atau orang yang memelihara, menyimpan atau membenarkan supaya di-pelihara atau di-simpan lembu-kerbau itu, atau orang yang memindah atau mengangkut atau membenarkan supaya di-pindah atau di-angkut daripada, ka-dalam atau di-dalam kawasan larangan, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Anggapan di-bawah sekshen-kechil (1) tidak-lah menghalang tuan punya lembu-kerbau itu daripada di-da'awa dan di-thabitkan atas mana² kesalahan di-bawah sekshen 5.

Menghalang pegawai² menjalankan kewajipan atau kuasa-nya.

7. Sa-saorang yang menghalang atau mengendala atau menolong supaya terhalang atau tergendala Pehak-berkuasa Tertentu atau mana² orang yang diwakil-nya pada menjalankan kewajipan atau kuasa-nya di-bawah Enakmen ini atau mana² kaedah atau perintah yang di-buat di-bawah-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada dua ratus lima-puluh ringgit atau di-penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua²-nya.

- 8.** Sa-saorang yang telah di-thabitkan atas mana² kesalahan terhadap Enakmen ini atau mana² kaedah yang di-buat di-bawah-nya, jika tiada penalti di-peruntokkan bagi kesalahan itu, boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada dua ratus ringgit atau di-penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada tiga bulan. Penalti am.
- 9.** Sa-saorang yang telah di-thabitkan atas mana² kesalahan terhadap Enakmen ini, yang dalam tempoh dua belas bulan daripada tarikh thabitan itu, di-thabitkan lagi atas kesalahan bagi kali yang kedua atau tiap² kali sa-terus-nya terhadap Enakmen ini hendak-lah di-penjara sa-lama tempoh yang tidak kurang daripada dua bulan sa-lain daripada di-kenakan denda. Penalti bagi thabitan kali yang kedua.
- 10.** Raja dalam Meshuarat boleh melalui pemberitahu dalam *Warta*, membuat dengan am-nya kaedah² bagi melaksanakan peruntokan² Enakmen ini. Kaedah².
- 11.** Pehak-berkuasa Tertentu ada-lah pada bila² masa pun, bebas keluar masok mana² harta sendirian bagi maksud menyiasat sa-suatu kesalahan atau bagi menjalankan kuasa² yang di-beri di-bawah Enakmen ini. Kebebasan keluar masok harta sendirian.
- 12.** Tiada-lah apa² tanggongan boleh di-kenakan kepada Kerajaan Negeri, Pehak-berkuasa Tertentu, atau mana² pegawai atau orang lain yang bertindak mengikut arahan Pehak-berkuasa Tertentu, mengenai apa² perbelanjaan, kerugian atau kechachatan yang berbangkit dalam atau pada menjalankan dengan sah kuasa² yang di-beri oleh Enakmen ini. Perlindungan bagi pegawai² dan orang² lain.
- 13.** Sa-suatu penda'awaan berkenaan dengan mana² kesalahan terhadap Enakmen ini boleh di-jalankan oleh — Perjalanan penda'awaan.
- (a) Timbalan Penda'awa Raya;
 - (b) Sa-orang pegawai Lembaga Bandaran atau Majlis Bandaran yang pangkat-nya tidak rendah daripada Merinyu Kesihatan;
 - (c) Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah;
 - (d) Sa-orang pegawai Jabatan Haiwan yang pangkat-nya tidak rendah daripada Pembantu Urusan Haiwan;
 - (e) Sa-orang pegawai polis yang pangkat-nya tidak rendah dari Inspektor.

Natijah
Enakmen
ini.

14. Di-dalam kawasan larangan, jika sa-suatu peruntokan Enakmen ini ada-lah berlawanan dengan sa-suatu peruntokan Undang² Negeri atau perundangan kechil, maka peruntokan Enakmen ini hendak-lah terpakai dan peruntokan yang lain² itu hendak-lah, sa-takat yang ia-nya berlawanan itu menjadi tidak sah.

Peman-
sokhan.

15. Enakmen Dharurat No. 1 (Selangor,) 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

Di-luluskan pada 19hb Mach, 1971.

[I.P.K. Sel. Sulit 1824; L.A. Sel. Rahsia 37 Vol. II.]

KAMARUL BAHRIM BIN HAJI ABDUL RAOF,
Setiausaha,
Dewan Negeri, Selangor